



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PELANJUTAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN DAN PENGEMASKINIAN *UPUONLINE* KEMASUKAN KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM BAGI LEPASAN SPM SESI AKADEMIK 2021/2022

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah bersetuju untuk melanjutkan tarikh tutup permohonan *UPUOnline* bagi kemasukan pelajar lepasan SPM mengikut program Sijil, Asasi dan Diploma ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi sesi akademik 2021/2022 **sehingga 2 Julai 2021 jam 5.00 petang.**

Keputusan ini akan membolehkan pelajar mengemaskini permohonan dan memilih program pengajian di *UPUOnline*. KPT juga prihatin dengan kekangan masa yang dihadapi oleh pemohon berikutan terdapat pelajar yang masih belum menerima keputusan semakan semula peperiksaan SPM 2020 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Untuk maklumat lanjut boleh melayari portal rasmi **upu.mohe.gov.my**.

KPT berharap keputusan ini akan dapat memudahkan urusan permohonan untuk melanjutkan pengajian masing-masing.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
21 JUN 2021**